

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK
[BALIK PULAU]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan :-**

- a) status penyenaraian tapak warisan dunia seperti Pusat Kawalan Kusta Negara, Hutan Simpan Royal Belum, Permatang Kuarza Gombak serta Taman Negara; dan
- b) usaha memelihara dan memulihara warisan sedia ada seperti Lembah Lenggong dan Georgetown demi mengelakkan penarikan semula status oleh UNESCO.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi agensi di bawah seliaannya Jabatan Warisan Negara (JWN) sedang dalam proses menyediakan *dossier* untuk Pusat Kawalan Kusta Negara (PKKN) Sungai Buloh, Selangor dan Hutan Simpan Royal Belum, Perak dicalonkan untuk penyenaraian tapak warisan dunia.
2. Bagi tapak Permatang Kuarza, Gombak Selangor (PKGS) dan Taman Negara Semenanjung pula, ia kini dalam proses penyelidikan lanjut untuk mengenalpasti kriteria yang bersesuaian dan kepentingannya sebelum ia boleh diangkat menjadi Tapak Warisan Dunia UNESCO. Penyelidikan bagi Taman Negara Semenanjung turut membabitkan 3 pihak berkuasa negeri iaitu Kelantan, Pahang dan Terengganu.
3. Sementara itu, perhatian sentiasa diberikan kepada usaha untuk memelihara Tapak-Tapak Warisan Dunia di Malaysia termasuk di Melaka dan George Town, Pulau Pinang serta Lembah Lenggong, Perak. Setiap tapak yang telah diberi pengiktirafan perlu mematuhi Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP) dan Rancangan Kawasan Khas (SAP) yang secara langsung dapat mengekalkan Nilai Keunggulan Sejagat (*Outstanding Universal Value*) agar integriti dan keasliannya kekal terpelihara.
4. Dalam hal ini, kerjasama semua pihak seperti Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemilik tapak amat diperlukan. Pemantauan turut dilaksanakan melalui Mesyuarat Penyelarasaran Pembangunan di Tapak Warisan, Warisan Kebangsaan dan Tapak Warisan Dunia untuk ulasan, nasihat serta kelulusan bagi kebenaran merancang selain daripada pemantauan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sendiri.

Sekian, terima kasih